

REKABENTUK APLIKASI PEMBANGUNAN KOSA KATA BAHASA ARAB

Abdul Razif Zaini
Saifulah Samsudin
Khairil Ashraf Elias
Mohd Zaki Abd Rahman
Khairulnizam Abd Rahman
Muhammad Haron Husaini
Naqibah Mansor
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Kosa Kata merupakan elemen asas bahasa. Ia merupakan asas linguistik penting yang perlu dimiliki dan dibangunkan dalam diri setiap penutur dan pelajar khususnya dalam konteks pembelajaran bahasa kedua/asing. Penguasaan bahasa kedua/asing menuntut pemilikan sejumlah kata yang mencukupi dan relevan bagi membolehkan suatu bentuk interaksi bahasa itu berlaku. Pelajar mempunyai keutamaan untuk menguasai perkataan yang relevan, namun realitinya, golongan ini dihipit masalah kesuntukan masa dan proses PdP dalam darjah yang tidak begitu memberikan tumpuan kepada aspek ini. Justeru, pembelajaran kosa kata bahasa Arab menggunakan perisian android merupakan antara alternatif yang perlu dirangka. Kajian ini dijalankan dengan tujuan merangka prosedur dan prototaip perisian pembelajaran kosa kata berpaksikan perisian Android. Perisian ini dibangunkan menggunakan metode Pembangunan Agile. Sistem berasaskan pemberitahuan (*notification*) yang dinamakan *Arabic Word Alert (AWA)* dibangunkan berbantuan Aplikasi Android SDK. Hasil kajian ini diterjemahkan dalam reka bentuk prototaip aplikasi pembangunan kosa kata Arab yang perlu melalui lima proses iaitu meliputi rancangan pembelajaran kata, pemberitahuan kata, pembelajaran dan penyimpanan kata dan ujian penilaian. Pembangunan perisian ini diharap dapat membantu menyelesaikan masalah kekurangan kosa kata pelajar yang pembelajarannya terabai disebabkan oleh faktor tumpuan kesuntukan masa dan disiplin dalam pembelajarannya. Perisian ini juga diharap mampu membekalkan sekurang-kurangnya 2000 perkataan asas yang terdiri daripada perkataan berfrekuensi tinggi yang menjadi teras dalam pemahaman pelajar bagi menghadapi situasi-situasi bahasa yang dilalui.

PENDAHULUAN

Kosa kata merupakan himpunan sejumlah perkataan yang terdapat dalam sesuatu bahasa dan berperanan membentuk sistem leksikalnya. Ia dianggap sebagai stok perkataan asas yang dapat dirujuk oleh penutur ketika melalui pelbagai situasi bahasa yang juga dikenali sebagai leksikon (Nathesan, 2011).

Selain dari itu, kajian dalam bidang pemerolehan kosa kata bagi penutur jati menyatakan bahawa semua perkataan mempunyai nilai dan tahap keutamaan yang sama, namun dalam bidang pemerolehan bahasa kedua yang berasaskan frekuensi hanya sebahagian perkataan sahaja dibuktikan mempunyai nilai penggunaan yang tinggi berbanding perkataan-perkataan yang lain (McKeown & Beck, 2004; Nation, 2001; McCarthy, 1992).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pemahaman terhadap sesuatu teks atau situasi bahasa memerlukan kefahaman sekitar 80% jumlah kata yang terkandung di dalamnya. Bagi mencapai matlamat tersebut, seseorang penutur atau pembaca memerlukan sekurang-kurangnya 2000 kosa kata yang terdiri daripada kata berfrekuensi tinggi (Schmitt, 2000; Nation & Waring, 1997; Hwang & Nation, 1995; Meara, 1996). Sekiranya sesuatu proses pembelajaran bermatlamatkan *survival* dan kelangsungan dalam komunikasi, 2000 perkataan merupakan satu jumlah yang realistik dan mampu membekalkan asas yang kukuh bagi proses pemahaman teks atau interaksi (Meara, 1996) dan begitu juga untuk tujuan ke peringkat pembelajaran lebih tinggi (Schmitt, 2000).

Namun, jika faktor jumlah kosa kata diambil kira dalam konteks penguasaan bahasa, majoriti pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua sememangnya berhadapan dengan masalah penguasaan. Berdasarkan kajian, pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat ijazah sarjana muda pengajian Islam dan

Bahasa Arab hanya memiliki 1231 perkataan secara purata (Abdul Razif, 2015) dan jumlah ini dikatakan berada di bawah keperluan tahap kecekapan umum jika had penguasaan minimum ditentukan pada 2000 perkataan seperti dicadangkan beberapa sarjana linguistik (Nation, 1990; Meara, 1996).

Masalah kekurangan ini dilaporkan berpunca daripada beberapa faktor. Antara faktor yang perlu diberikan perhatian adalah pengabaian terhadap aspek pengajaran dan pembelajaran kosa kata samada dalam mahupun luar darjah. Guru kurang memberikan tumpuan kepada aspek ini disebabkan oleh kekangan masa dan silibus yang padat sekaligus menjadikan tumpuan terhadapnya terbatas dalam bentuk implisit (Rosni,2013). Bagi pihak pelajar pula, tumpuan yang kurang konsisten dalam pembelajaran kata menjadikan mereka tidak jelas dengan peranan yang dimainkan oleh kosa kata dalam isu penguasaan bahasa.

Banyak pihak mencadangkan agar pembelajaran kosa kata perlu dilakukan secara eksplisit. Dengan kata lain, guru dianggap individu paling ideal dalam mengatur pembelajaran kata. Namun, realitinya, kekangan masa sering dihadapi dan pembelajaran kata kurang konsisten serta kadangkala terabai. Maka pembelajaran yang tidak terlalu bergantung kepada guru secara sepenuhnya perlu difikirkan sebagai mekanisme penyelesaian.

Permasalahan yang dibincangkan ini menimbulkan beberapa persoalan yang perlu dibincangkan. Jika pelajar sememangnya mempunyai jumlah kosa kata yang terhad, apakah usaha yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kuantiti kosa kata mereka? Sekiranya pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar dipilih sebagai jalan penyelesaian kepada permasalahan ini, adakah wujud instrumen yang mampu dimanfaatkan bagi menyelesaikan masalah pengabaian terhadap aspek kekurangan kosa kata?

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini dijalankan dengan tujuan mengenalpasti elemen penting dalam pembangunan aplikasi pembelajaran kosa kata secara eksplisit dan merangka prosedur pembelajaran kata berbantuan perisian android yang mampu digunakan dengan atau tanpa kehadiran guru.

METODOLOGI

Rekabentuk sistem pembelajaran kosa kata berasaskan perisian android ini dibangunkan menggunakan model pembangunan Agile (*Agile Development Model*). Model Pembangunan Agile merupakan merupakan salah satu daripada metodologi pembangunan perisian yang popular.


Tujuan utama metod ini adalah untuk menyampaikan apa yang diperlukan oleh pelanggan atau *End User* pada waktu tertentu semasa ia masih dalam tempoh proses pembangunan. Metodologi Pembangunan *Agile* ini wujud untuk menampung perubahan sesuatu perniagaan, keperluan perniagaan tersebut, dan seterusnya untuk menjalankan pengurusan yang lebih baik dalam kitaran hayat perisian tersebut. Manifesto metod ini menyatakan bahawa individu dan interaksi lebih penting daripada proses dan peralatan. Perisian yang berfungsi lebih utama daripada dokumentasi. Kerjasama antara pelanggan lebih penting daripada kontrak perundingan dan kebolehsesuaian terhadap perubahan lebih bernilai berbanding mencipta dan mengikut perancangan (Agile Alliance, 2001).

Metod ini menawarkan pembangun aplikasi dan pelanggannya untuk saling berkomunikasi, memudahkan proses maklum-balas mengenai kepuasan pihak pelanggan, serta mengetahui lebih rinci kehendak pelanggan terhadap aplikasi yang dibina. Metod ini juga lebih bersikap terbuka serta bersiap-sedia untuk melaksanakan perubahan pada bila-bila masa sahaja mengikut kesesuaian tujuan pembangunannya. Selain itu, metod ini turut membantu pembangun aplikasi untuk membina aplikasi yang memenuhi cita rasa pelanggan di samping sentiasa memperbaiki dan memperhalusi aplikasinya agar setanding dengan aplikasi sedia ada di pasaran. Pembangunan ini melibatkan lima fasa utama iaitu penilaian proses dan keperluan, cadangan penambahbaikan dan mengoptimalkan proses, rekabentuk perisian, pembangunan dan implementasi serta penilaian dan pemantauan.



Rajah 3.1: Fasa Metodologi Pembangunan Agile
 Sumber: (<http://www.theinfinitytree.com/methodology-framework/>)

Prosedur Pembangunan Kata menerusi Aplikasi



Rajah di atas menunjukkan carta alir bagi penggunaan aplikasi pembelajaran kosa kata yang dibangunkan. Apabila perisian diaktifkan, sistem akan mengenalpasti pengguna. Sekiranya pengguna adalah pengguna baharu, sistem akan menyimpan maklumat sebelum dihantar ke halaman utama. Bagi pengguna lama, apabila perisian diaktifkan, beliau akan dibawa terus ke halaman utama.

Apabila pengguna telah memasuki halaman utama, sistem pencarian kata akan berfungsi. Pengguna akan dimaklumkan dengan perkataan baharu. Pengguna dikehendaki memilih atau mengklasifikasikan perkataan samada dalam kategori “*memorized*” atau “*new word*”. Manakala jika pengguna memilih “*later*” sistem akan

mengulangi arahan sebelumnya sehinggalah “*memorized*” atau “*new word*” dipilih dan perkataan baharu akan dipaparkan untuk pembelajaran kata seterusnya.

DAPATAN KAJIAN

Arabic Word Alert (AWA) merupakan sebuah perisian pembangunan kosa kata bahasa Arab (*vocabulary builder*) yang dibangunkan dengan tujuan memperkasa kosa kata pelajar bagi mendepani situasi-situasi bahasa yang dilalui. AWA berperanan dalam membantu pelajar untuk menambah dan memperkembangkan kosa kata mereka secara sistematik/konsisten berdasarkan keupayaan dan perancangan individu.


“*Arabic Word Alert*” ialah sebuah perisian pembangunan kata yang membolehkan pengguna menyusun pelan pembelajaran kata secara harian dan sistematik. Aplikasi ini memiliki sistem pemberitahuan (*notification*) mengikut sela masa yang ditentukan bagi memastikan pengguna tersebut sentiasa sedar untuk mempelajari kosa kata bahasa Arab secara sistematik bila tiba waktu yang ditentukan.

Pembelajaran Kata Melalui Arabic Word Alert

Pembelajaran kata perlu berlaku secara eksplisit. Pelajar perlu mempelajari kata secara khusus. Maka untuk memastikan pembelajaran kata berlaku secara konsisten, AWA berfungsi mengikut proses berikut:

i. Paparan Selamat Datang “WELCOME PAGE”

Paparan “*WELCOME PAGE*” adalah paparan yang muncul bagi penggunaan kali pertama atau sewaktu pengaktifan semula perisian. Paparan ini akan memaparkan ikon aplikasi AWA dan seterusnya membawa pengguna terus ke paparan “*MY WORDS*” iaitu tempat terhimpun seluruh perkataan yang dipelajari.




Rajah 5.1: Halaman “*WELCOME PAGE*” bagi aplikasi Arabic Word Alert (AWA)

Bagi penggunaan kali pertama mahupun selepas proses pengaktifan semula, pengguna dikehendaki membuat beberapa ketetapan. Menerusi butang Menu > Settings, beberapa tetapan perlu dibuat oleh pengguna sebelum menggunakan perisian seperti penentuan kekerapan pembelajaran kata dalam sehari, penentuan nada pemberitahuan dan bahasa pilihan. Selepas tetapan ini dibuat, sistem pemberitahuan akan berfungsi selepas beberapa minit ia diaktifkan.

ii. Rancangan Pembelajaran Kata


Tujuan aplikasi ini dibangunkan adalah untuk memastikan penggunaanya dapat mempelajari kata secara sendiri dan sistematik. Justeru, sekiranya pengguna dikehendaki membuat tetapan pilihan sela masa dan perkataan dalam sehari, pengguna boleh berbuat demikian dengan mengetik butang “*Settings*” untuk memilih sela masa yang telah dicadangkan.



Rajah 5.2: Tetapan sela masa untuk pemberitahuan

iii. Pemberitahuan Kata Baharu

Pemberitahuan atau notifikasi merupakan ciri utama perisian ini. Pengguna akan diberi maklum tentang kemunculan perkataan baharu berdasarkan kepada sela masa yang telah ditetapkan oleh pengguna sendiri. Sistem ini berfungsi sebagai penggera yang menarik perhatian pengguna untuk menyempurnakan tugas mempelajari kata baharu. Pemberitahuan ini dipaparkan dalam bentuk ikon kecil berwarna hijau pada paparan utama beserta bunyi atau pada senarai paparan pemberitahuan khusus di telefon pintar.



Rajah 5.3: Paparan notifikasi kata baharu


iv. Pembelajaran dan Penyimpanan Kata

Selepas memilih untuk mempelajari kata tersebut, pengguna dibawa ke halaman kata. Pengguna akan dipersembahkan dengan perkataan baharu dan beliau perlu menyimpan perkataan tersebut bagi kegunaan masa hadapan. Tiga arahan simpanan dicadangkan kepada penggunaan iaitu (a) “*memorized*”, (b) “*new word*” dan (c) “*later*”. Butang “*memorized*” dikhususkan untuk perkataan yang sememangnya telah dipelajari atau dikuasai oleh pengguna sebelum ini. Pilihan ini mampu mempercepatkan proses pembelajaran kata pengguna. Butang “*new word*” pula berperanan memberitahu pengguna bahawa kata itu adalah baharu dan ia sememangnya penting untuk dikuasai. Manakala butang “*later*” pula berfungsi untuk menangguhkan pembelajaran kata pada waktu lain dan perkataan tersebut akan diulang papar pada waktu pembelajaran berikutnya mengikut tetapan pengguna.



Rajah 6: Pembelajaran kata dan Arahan Penyimpanan Kata

Penguasaan kata seperti dijelaskan Taemah (2005) perlu dilihat dari tiga sudut iaitu tahu, faham makna dan boleh guna. Oleh yang demikian, maklumat yang dikemukakan dalam perisian ini meliputi makna kata dalam bahasa Arab dan Melayu serta contoh penggunaan dan maksudnya. Aplikasi ini turut memaparkan gambar yang berkaitan dengan perkataan tersebut yang diambil dari imej google bagi membolehkan makna kata difahami dengan lebih baik.



Rajah 5.4: Fungsi tambahan

Rajah di atas menunjukkan maklumat rinci yang dibekalkan dalam perisian seperti makna kata tersebut dalam bahasa Arab dan Melayu. Di samping itu juga, aplikasi ini turut memaparkan gambar yang berkaitan dengan perkataan tersebut. Pengguna juga dalam masa yang sama, berpeluang berkongsi maklumat yang terdapat di dalam perisian ini dengan rakan atau pengguna lain.

KESIMPULAN

Reka bentuk pembangunan kosa kata bahasa Arab berbantuan aplikasi ini dicadangkan sebagai satu usaha dan alternatif memperkasa penguasaan kota dalam kalangan pelajar. Aplikasi pembangunan kosa kata ini mempunyai peranan dalam menangani masalah kosa kata dalam kalangan pelajar dengan menitik beratkan soal kuantiti dan konsistensi. Aplikasi ini juga turut membantu dalam menyelesaikan isu pengabaian terhadap pembelajaran kosa kata yang berlaku dalam PdP bahasa Arab. Selain itu, aplikasi ini menekankan konsep pembelajaran berpusatkan pelajar di mana golongan ini mempunyai peranan besar dalam merangka pelan pembelajaran kata secara sendiri.

Aplikasi ini disasarkan untuk pengguna yang ingin memahirkan diri mereka dalam menguasai kosa kata bahasa Arab dalam tempoh masa yang relevan dengan cara yang konsisten. Aplikasi ini bukan sahaja menawarkan pengguna dengan makna kata secara rinci malah aplikasi ini turut menyediakan maklumat kata yang penting seperti jenis kata, makna Arab, makna Melayu, contoh penggunaan dan maksudnya. Elemen-elemen pembelajaran kata seperti instruksi, kuantiti, durasi dan strategi turut diambil kira dalam pembangunannya.

Secara kesimpulannya, pembangunan aplikasi ini masih di peringkat awal, dan usaha penambahbaikan akan terus dijalankan. Kajian akan datang disaran untuk memberikan tumpuan kepada perluasan penggunaan kata yang dipelajari meliputi penggunaan kata tersebut dalam al-Quran dan al-Hadis serta aspek yang berkaitan dengan penilaian.

RUJUKAN

- Abdul Razif Zaini. (2015). *Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu di Peringkat Kolej Universiti*, (Disertasi), Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Agile Alliance. (2001). *Manifesto for Agile Software Development*. Dipetik dari <https://www.agilealliance.org/agile101/the-agile-manifesto/> . (20/6/2016).
- Hwang, K. & Nation, I.S.P. (1995). Where Would General Service Vocabulary Stop and Special Purposes Vocabulary Begin. *System* 23, 1: 35-41 Dipetik dari <http://www.victoria.ac.nz/lals/staff/paul-nation-pubsdate.aspx#1990> (10/06/2014)
- McCarthy, Micheal. (1992). *Vocabulary*. Hong Kong: Oxford University Press.
- Meara, PM. (1996). The Dimensions of Lexical Competence. This paper first appeared in: G Brown, K Malmkjaer & J Williams (eds.) *Performance and Competence in Second Language Acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press. 35-53. [Versi elektronik]
- McKeown, M. G., and I. L. Beck. (2004). Direct and Rich Vocabulary Instruction. *Vocabulary Instruction*, (eds) J. F. Baumann and E. J. Kame'enui, 13-27. New word York: Guilford Press.
- Nathesan.S. (2011). *Leksikon: Kosa Kata Bahasa*, Dewan Bahasa Ogos 2011, Jilid 11 Bil. 08, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Nation, I.S.P. (2001). *Learning Vocabulary in Another Language*, United Kingdom: Cambridge University Press.
- Nation, I.S.P. (1990). *Teaching and Learning Vocabulary*, New word York: New wordbury House.
- Rosni Samah. (2013). *Kaedah Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Arab*. Nilai, Penerbit USIM.
- Schmitt, Norbert. (2000) *Vocabulary in Language Teaching*, United States of America: Cambridge University Press.
- Ta'emah, Rushdee. (2005). *al-Kitab al-Jami'iyy, Mauqi'uh wa Ma'ayiruh wa Musykilatuh*, Cairo.